

# USIM anjur Ihtifal IPT ASEAN 2013

SEREMBAN 18 Dis. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan menganjurkan Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2013 pada 31 Januari hingga 4 Februari nanti.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) USIM, Nasrul Hakim Ahmad memberitahu, program kali kedua yang diadakan di universiti itu akan melibatkan beberapa buah universiti tempatan selain beberapa buah universiti ASEAN lain.

"Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2013 akan menghimpunkan empat acara utama iaitu Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN, Pertandingan Tilawah al-Quran IPT ASEAN, Pertandingan Nasyid IPT ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda dalam satu masa," katanya di sini hari ini.



Beliau menjelaskan, program bertemakan *Belia Islam Pemangkin Transformasi Ummah* turut menonjolkan model kesenian Islam di samping menajamkan bakat para belia serta melahirkan generasi belia Islam.

Malah katanya, elemen-elemen penting seperti kekuatan semangat dan daya juang yang tinggi, luas penguasaan ilmu serta berkeupayaan memimpin anggota masyarakat diharap dapat dapat diterapkan dalam diri mereka selaku generasi belia.

"Pada masa yang sama, USIM juga akan menghantar para peserta dalam program itu dan sudah pastinya kita berharap mereka dapat melakukan yang terbaik.

"Kita melihat program ini mampu berperanan sebagai pemangkin kepada agenda transformasi negara dan perpaduan ummah," jelasnya.